

## BAB II

### ALI SYARI'ATI : GAMBARAN INTELEKTUAL MUJAHID

#### 2.1 Kehidupan Awal dan Pengajian

Ali Syari'ati dilahirkan pada tahun 1933 di Mazinan, sebuah daerah di pinggiran kota Masyhad, dekat dengan Sabzavar, di tepi gunung Kavir, Iran. Beliau berasal dari keluarga Mullah. Ayahnya Aqa Muhammad Taqi Syari'ati adalah salah seorang ulama Iran terkemuka abad ini.<sup>1</sup> Dari ayahnya inilah Ali Syari'ati memperoleh bimbingan rohaniah Islam secara mendalam, bahkan nilai-nilai jihad. Seperti dituliskannya sendiri :

Ayahku membentuk dimensi-dimensi pertama rohaniku. Dialah yang mengajarku seni berfikir dan seni menjadi manusia. Sebaik sahaja ibu menyapihku, ayah menanamkan dalam diriku cita-cita kemerdekaan, kesucian, keikhlasan, serta kebebasan jiwa. Dia memperkenalkanku dengan buku-bukunya; merekalah yang menjadi sahabat karibku sejak tahun-tahun pertama di sekolah. Aku tumbuh dewasa dalam perpustakaan yang merupakan keseluruhan hidupnya dan keluarganya. Banyak hal yang sebenarnya baru dapat kupelajari kelak setelah dewasa, melalui rangkaian pengalaman yang panjang, serta harus kubayar dengan usaha dan perjuangan yang lama. Tetapi ayahku telah menurunkannya kepadaku sejak masa kanak-kanak dan remaja ku secara mudah dan langsung.<sup>2</sup>

Ali Syari'ati dibesarkan dalam tradisi Syi'ah yang ditinjau dari sudut fiqh mahupun penafsiran kalamnya berorientasi kepada *Ahlu al-Bait* (keluarga keturunan Rasulullah s.a.w.). Mazhab Syi'ah yang memiliki berbagai khazanah sejarah dari berbagai-bagai peristiwa seperti; pembunuhan saidina Ali, perang Shiffin (658 M) dan perang Karbala, secara langsung mempengaruhi Ali Syari'ati dalam menyusun karya-karyanya. Disamping

---

<sup>1</sup> Gholam Abbas Tavassoli dalam pengantar untuk buku Ali Syari'ati (1979), *On The Sociology of Islam*, terj. Hamid Algar, Berkeley, Mizan Press, h. 10.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 17.

juga pengaruh daripada tokoh-tokoh yang dijadikan idola oleh Syi'ah seperti Abu Dhar, Salman Al-Farisi, Ammar ibn Yasir dan sebagainya. Mereka merupakan sumber inspirasi ke arah pencerahan fikiran bagi Ali Syari'ati, bahkan juga bagi pemimpin revolusi Islam Iran lainnya.

Selepas sekolah menengah atas, Syari'ati melanjutkan pelajarannya di Primary Teacher's Training College (Maktab Latihan Perguruan) pada tahun 1950. Kemudian beliau telah dipenjarakan di Teheran kerana aktiviti politik. Pada tahun 1958 beliau berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dalam bahasa Arab dan Perancis. Pada tahun yang sama beliau juga berjaya mendapatkan beasiswa untuk melanjutkan pelajarannya ke Universiti Sorbonne, Perancis.

Selama di Perancis (negara yang memiliki sejarah revolusi paling terkenal di dunia), Ali Syari'ati tidak hanya larut dalam membaca buku-buku sosiologi, falsafah, ataupun teologi, namun juga berkenalan dan bertemu dengan berbagai-bagai tokoh seperti Albert Camus (m. 1960 M), Jean paul Sartre (m. 1980 M), dan sebagainya.<sup>3</sup>

Melalui dialog intensif dengan tokoh-tokoh tersebut, dia memperoleh wawasan yang lebih jauh tentang peradaban Barat, juga akar sejarah yang melahirkan berbagai teori pemikiran di Barat seperti *humanisme*, *eksistensialisme*, *marxisme*, *kapitalisme* dan sebagainya.

---

<sup>3</sup> Hadimulyo (1985), *Manusia Dalam Perspektif Humanisme Agama : Pandangan Ali Syari'ati* M.Dawam Rahardjo *et al.* (ed), *Insan Kamil*, Jakarta, Grafiti Press, h. 167.

Keperibadian Ali Syari'ati menurut Edward Mortimer <sup>4</sup> dipengaruhi oleh pemikiran orientalis besar dari Barat; Louis Massignon, dan dari segi yang lain dia dipengaruhi oleh tokoh revolusioner asal Afrika; Franz Omar Fanon. Tulisan Fanon *Les Damnés de La Terre* diterjemahkannya kedalam bahasa Parsi, bahkan idea-idea Fanon<sup>5</sup> turut dikemukakannya bagi mengukuhkan berbagai-bagai hujahnya melalui ceramah-ceramah dan tulisan-tulisan. Inilah yang menyebabkan nama Fanon menjadi terkenal di Iran.

Fazlur Rahman mengatakan bahawa Ali Syari'ati merupakan modenis yang membangkitkan semangat rakyat untuk menentang pengaruh asing ke atas negaranya. Ia berusaha menegakkan Islam dengan pendekatan sosio-historikal dalam memahami al-Quran.<sup>6</sup> Sedangkan Mongol Bayat menganalisis bahawa hasil karya Ali Syari'ati yang paling kekal adalah usaha untuk mengemukakan konsep Islam yang baru, dinamik dan memberikan inspirasi. Beliau mengubah konsep Islam yang heku menjadi suatu ideologi revolusioner dan kuat.<sup>7</sup>

## 2.2 Kehidupan dan Perjuangan

Setelah menyelesaikan pengajiannya di Universiti Sorbonne, Ali Syari'ati kembali ke Iran pada tahun 1964. Sesampainya di sana beliau berhadapan dengan sejumlah penahanan dan soal siasat bertubi-tubi dari regim Shah Iran

---

<sup>4</sup> Edward Mortimer (1984), *Faith and power; The Politics of Islam*, terj. Rahmani Astuti, Bandung, Mizan, h. 319.

<sup>5</sup> Franz Omar Fanon (1970), lahir di Martinique dan meninggal di Washington D.C pada Disember 1961. Beliau adalah seorang ahli falsafah pergerakan sosial. Dalam David Shiels *et al.* (ed), *Encyclopaedia of Social Science*, vol. 8, New York, The MacMillan Company and Press, h.137.

<sup>6</sup> Fazlurrahman (1984), *The Quranic Foundation and Structure of Muslim Society*, terj. Ridwan, Bandung, Risalah, h. 130.

<sup>7</sup> Mongol Bayat (1986), *Islam di Iran pada Masa Pahlevi dan setelahnya*, dalam John Esposito *et al.* (ed), *Islam and Development*, terj. R Zainuddin, Jakarta, Bulan Bintang, h. 160.

yang berkuasa pada saat itu. Beliau dituduh melakukan pergerakan politik yang anti Shah selama masa pengajiannya di Paris bersama tokoh-tokoh lainnya.<sup>8</sup>

Kejahatan regim Shah Iran memang diakui umum. Hal ini juga telah diakui oleh Fereydoon Hoveida, duta besar kerajaan Iran untuk Pertubuhan Bangsa-bangsa:

Pertama; Shah adalah seorang diktator. Shah menganggap dirinya bukan hanya setakat kepala negara, tetapi juga penguasa tertinggi eksekutif, legislatif dan yudikatif. Dirinya adalah negara dan negara adalah dirinya. Dia suka mencampuri urusan kecil, misalnya bagaimana mengatasi jumlah anjing gila yang makin meningkat. Para menteri tidak berani mengambil kebijaksanaan apapun tanpa kebenarannya. Dia merasa sebagai *Farmandeh* (pemimpin besar) yang tidak boleh ditegur apalagi dikritik.

Kedua: kampanye melawan korupsi selalu didengungkan oleh Shah dan selama lima puluh tahun telah dijadikan program pemerintah Iran. Namun seperti kata Abbas Hoveida, Bagaimana mungkin kempen melawan korupsi akan berhasil, sementara harus dimulai dari tingkat atas, yakni pada keluarga Shah dan mereka yang mengelilinginya? Kerana itu Abbas juga mengatakan bahawa tidak *adil* menangkap ikan-ikan kecil sedangkan ikan besarnya dibiarkan terlepas.

Ketiga: penindasan terhadap rakyat dilakukan Shah secara sangat biadab. Pelbagai jentera kerajaan ditubuhkan oleh Shah untuk memusnahkan para pembangkang. Di antaranya 'Savak' (polis rahsia Iran) berada di barisan paling depan. Savak yang menerima latihan daripada Mossad (polis rahsia Israel) dan CIA (polis rahsia Amerika Syarikat) melakukan penyiksaan biadab terhadap 'musuh-musuh negara'. Penyiksaan dan pembunuhan tahanan politik merupakan kerja harian bagi Savak yang menerima komando langsung dari Shah. Ribuan belia Iran hilang atau mati tanpa dosa. Setiap kelompok yang menyuarakan politik untuk mengkritik segera dituduh komunis atau ulama fanatik.

Keempat: Skandal moral merajalela dikalangan istana. Masyarakat kelas tinggi di lingkungan istana sudah tidak memperdulikan lagi norma-norma agama atau peraturan moral yang paling dasar. Tempat-tempat judi atau hiburan untuk melepaskan dorongan-dorongan syahwat bahkan juga seksual dibuka di pelbagai tempat di Iran. Pesawat-pesawat *Concorde*

---

<sup>8</sup> Edward Mortimer (1984), *op. cit.*, h. 321



Perancis digunakan untuk mengangkut wanita-wanita kiriman *Madame Claude* (rumah pelacuran) dari Paris ke Teheran dengan alasan untuk menggalakkan pelancongan...Kegiatan-kegiatan yang melampau ini sudah tentu berakibat sangat negatif bagi rakyat Iran yang religius.

Kelima: Pada tahun 1975, Shah membubarkan seluruh parti dan membentuk parti tunggal, iaitu parti *Rastakhiz*. Ia mencoba melakukan penyeliaan secara langsung atas keinginan-keinginan parti politik masyarakat Iran yang ditampung dalam satu parti. Kebodohan Shah adalah dia tidak pernah melihat permasalahan nasional dari sudut pandang rakyatnya. Tampaknya dia terpenjara dalam keangkuhan, seolah-olah semua rakyat jahil dan harus mengikuti semua kemahuannya. Dia selalu mengatakan tidak suka kepada pembangkang. Selain memusuhi semua ulama, dia juga memusuhi golongan intelektual.<sup>9</sup>

Cara paksaan yang dilakukan Shah, pada gilirannya bukan hanya menjauhkan para ulama, tetapi juga kaum intelektual profesional yang mulai menganggap hilangnya kebebasan politik merupakan harga yang sangat mahal untuk dikorbankan. Hal ini yang menyebabkan para *Mullah* (ulama di Iran) dan golongan intelektual Iran termasuk yang belajar di Eropah, berusaha merumuskan gerakan revolusi untuk segera menumbangkan regim Shah.

Sejumlah nama-nama tokoh pemimpin revolusi rakyat di Iran dapat disebut antara lain; Ayatullah Khomeini (m. 1989 M), Murthado Mutanniri (m. 1979 M), Ali Hashemi Rafsanjani, Bani Sadr, Ali Syari'ati dan sebagainya. Menurut sejumlah pengamat revolusi Iran, nama Ali Syari'ati harus diletakkan pada senarai pertama dari golongan intelektual penentang regim Shah.

Perjuangan Ali Syari'ati di Iran sepuluhangnya dari Perancis, dimulakan dengan masa tahanan selama enam bulan. Setelah dibebaskan beliau mengajar di Universiti Masyhad. Di sinilah beliau berinteraksi dengan pelajar-pelajar muda yang bersemangat dan penuh minat. Idea Syari'ati yang kontroversial

---

<sup>9</sup> M Amien Rais (1987), *Cakrawala Islam : Antara Citra dan Fakta*, Bandung, Mizan, h.. 200-202.

dan cara mengajarnya yang penuh analisis, membuat dia menjadi idola bagi mahasiswa dan generasi muda Iran. Namun pihak regim Shah tidak dapat bertolak ansur dengan ceramah-ceramahnya yang dianggap berbahaya dan mengandung pemikiran yang dapat melahirkan revolusi. Beliau dipaksa menghentikan kursus-kursusnya. Seperti keterangan Mortimer:

Kita harus ingat bahawa Syari'ati memberikan kuliah kepada para mahasiswa yang di antaranya terdapat paling sedikit seorang anggota polis Shah Iran. Beliau tidak boleh terlalu terbuka dalam mengemukakan masalah-masalah politik. Namun demikian pada akhirnya beliau dianggap melangkah terlampau jauh. Pada tahun 1973, Husayniah Irsyad (satu lembaga kajian Islam tempat Ali Syari'ati memberikan ceramah) telah ditutup secara paksa oleh pasukan pemerintah. Ali Syari'ati bersembunyi, tetapi kemudian terpaksa menyerah kerana regim Shah menahan ayahnya sebagai tebusan. Ia ditahan selama lapan belas bulan dalam penjara terpisah, kemudian selama dua tahun berada dalam pengawasan polis di tempat kelahirannya desa Mazinan, berhampiran padang pasir yang namanya diambil sebagai judul buku autobiografinya *Kavir*.

Pada tahun 1977 beliau dibenarkan meninggalkan Iran. Tetapi tidak beberapa lama setelah itu, beliau meninggal dunia di Inggeris pada usia 44 tahun. Kematianannya yang mendadak dan tidak disangka-sangka dikaitkan dengan kerja agen Savak, meskipun tidak tertutup kemungkinan bahawa beliau mati akibat serangan jantung.<sup>10</sup>

Ali Syari'ati memang menjadi seorang syahid di dalam revolusi Islam Iran. Beliau bekerja dan berjihad semata-mata untuk pencerahan dan kemerdekaan manusia. Beliau merupakan tokoh intelektual Iran yang mampu memperkenalkan Islam kepada Barat tanpa merosakkan keaslian ajaran Islam yang diyakininya.

Syari'ati yang mengerti selok belok sosiologi masyarakat Syi'ah dapat dengan mudah menggerakkan semangat progresif di kalangan kaum terpelajar maupun rakyat bawah Iran. Ia telah menggabungkan asuhan tradisional Syi'ah

---

<sup>10</sup> Edward Mortimer (1984), *op. cit.*, h. 323 - 324.

dengan pendidikan modennya sewaktu di Sorbonne, sehingga menjadi satu pemikiran yang berupaya membangkitkan kreativiti rakyat yang ditindas. Ali Syari'ati juga telah berjaya memimpin para intelektual yang dalam keraguan, untuk mencari panduan antara ajaran Islam dengan pandangan sekularisme Barat.

Gholam Abbas Tavassolli seorang sahabat dekatnya meringkaskan perjuangan Ali Syari'ati dalam tiga aspek yang membezakannya dari yang lain: *perjuangan intelektual, perjuangan praktikal dan perjuangan menegakkan sistem pendidikan yang sebenar*. Ketiga bentuk perjuangan ini berorientasi kepada rakyat atau lebih luas lagi kepada umat <sup>11</sup>

Berikut ini adalah ringkasan riwayat hidup dan perjuangan Syari'ati :

- 1933 : Di lahirkan di desa Mazinan, Iran
- 1940 - an : Bergabung dengan organisasi Sosialisme Penyembah Tuhan dan Pusat Penyebar Islam (yang didirikan oleh ayahnya Muhammad Taqi Syari'ati), mengajar sebagai guru Sekolah Lanjutan Tingkat Atas, Sarjana dan ulama.
- 1950 - an : Mahasiswa di Primary Teacher's Training College. Bekerjasama dengan organisasi Sosialis Penyembah Tuhan, menulis buku *Maktab-e Vasetheh* (Aliran Moderat), Masyhad. Aktif dalam gerakan rakyat untuk nasionalisasi industri minyak Iran. Mendirikan Persatuan Pelajar Islam di Masyhad. Dipenjara di Teheran kerana aktiviti politik. Menterjemahkan karya Hamid Juwdah As Sahar, *Khoda*

---

<sup>11</sup> Gholam Abbas Tavasolli (1979), *op. cit.*, h. 24.

- Parast-e Socialist Abudhar*, kedalam bahasa Parsi,. Mulai belajar di Universiti Masyhad. Menikah.
- 1958 : Meraih gelar B.A dalam bahasa Arab dan Perancis. Menterjemahkan karya pengarang Mesir, Dr. Mandur sebagai dissertasi *Fi an-Naqd al-Adabi* (Kritik Sastera) ke dalam bahasa Parsi *Dar Naql va Adab*.
- 1959 : Mulai belajar di Universiti Sorbonne, Perancis.
- 1959 - 1964 : Meneliti karya-karya Henry Bergson, Albert Camus, Franz Fanon, Louis Massignon, dan Jean Paul Sartre. Menerjemahkan karya Alexis Carrel *Man the Unknown* ke dalam bahasa Parsi *Niyayesh*. Menulis makalah yang terkenal *Be Koya Takiye Kunim?* (Apakah yang Harus Kita Bantu?). Aktif dalam kehidupan politik di Perancis bersama Mustafa Chamrandan, Ebrahim Yazdi, mendirikan gerakan kebebasan Iran di luar negara dengan nama: *Nehzat-e Azadi-e Iran Kharij Az Keshvar*; membantu perjuangan gerakan kemerdekaan Algeria; dipenjara kerana memberikan kuliah kepada mahasiswa revolusioner Kongo; menyunting jurnal-jurnal berbahasa Parsi, *Iran-e Azad* dan *Nameh-e Pars*. Menterjemahkan karya-karya berikut ke dalam bahasa Parsi: karya Guevara: *Guerilla Warfare*; Sartre: *What is Poetry* dan Fanon: *The Wretched of the Earth*.
- 1963 : Menyerahkan terjemahan yang disertai dengan analisis tentang naskah Parsi abad pertengahan *Fadha'il Al Balkh (Les Merites de Balkh)* sebagai tesis Ph.D di Universiti Sorbonne.

- 1964 : Kembali ke Iran; ditahan di perbatasan dan dipenjarakan selama enam bulan.
- 1964 – 1969 : Memegang berbagai jabatan pengajar sementara di sekolah-sekolah menengah atas dan Akademi Pertanian. Mengadakan perjalanan ke Teheran untuk mendirikan Husayniyah Irshad (satu lembaga pengajian Islam). Menerjemahkan karya Louis Massignon tentang biografi Salman al-Farisi ke dalam bahasa Parsi dengan tajuk *Salman Pak*.
- 1969 : Memberi kuliah di Husayniyah Irsyad Menunaikan ibadah haji pertama ke Mekkah.
- 1970 : Menunaikan ibadah haji kedua ke Mekkah dan mengadakan lawatan ke negeri-negeri lain di tanah Hijaz.
- 1972 : Kerajaan Iran mengharamkan lembaga kajian Islam Husayniyah Irsyad dan menahan beliau kerana aktiviti politik dan intelektualnya.
- 1975 : Beberapa pertubuhan antarabangsa, kalangan intelektual Paris dan Algeria datang ke Teheran dan membuat satu tuntutan untuk menggesa kerajaan membebaskannya. Dibebaskan dari penjara.
- 1975 - 1977 : Menjadi tahanan rumah. Meninggalkan Iran menuju Britain. Jun meninggal dunia secara misterius di rumah para kerabatnya. Dikuburkan di Damsyik, Syria.

1979 : Penerbitan atas kumpulan karyanya. Sampai kini (1986), tiga puluh lima buku telah diterbitkan.<sup>12</sup>

Ali Syari'ati merupakan gambaran pejuang yang menghasilkan karya-karya intelektual guna satu tujuan yang dicita-citakannya, yaitu menumbangkan regim Shah Iran. Beliau hidup dan berjuang di saat situasi ekonomi, politik dan moral masyarakat mengalami kerusakan yang berterusan sehingga mendekati kemusnahan. Keistimewaan pemikirannya dapat disemak menerusi konsep *Rausyanfikir*, bermula dari penggunaan manhaj Nabi s.a.w. yang menjadikan Islam sebagai pendorong utama bagi perjuangan sosial politik.

### 2.3 Karya-Karya

Di bawah ini adalah kumpulan karya-karya Ali Syari'ati dalam bentuk buku, ceramah-ceramah dan makalah:

1. *On The Sociology of Islam*. Buku ini telah diterjemahkan kedalam bahasa Inggeris oleh Hamid Algar<sup>13</sup>. Ia mengandungi idea-idea Ali Syari'ati tentang cara memahami Islam, *Insan Kamil*, Tauhid dan sebagainya.
2. *The Visage of Muhammad*. Karya ini merupakan refleksi historis daripada diutusnya para nabi. Beliau membahagi para Nabi dalam dua kategori: pertama para nabi yang muncul dari kalangan rakyat jelata yang ajarannya menumbangkan kezaliman para penguasa yang tidak menerima dakwahnya. Kedua para Nabi dari kalangan bangsawan, raja dan golongan

---

<sup>12</sup> Ali Syari'ati (1986), *What is To be Done : The Enlightened Thinkers and Islamic Renaissance*, Houston, Free Islamic Literature Inc., h. 8-10.

<sup>13</sup> Berkeley, Mizan Press, 1979.

kaya. Mereka menerima pakai seluruh sistem atau susunan kekuasaan yang berlangsung.<sup>14</sup>

3. *What is To be Done : The Enlightened Thinkers and Islamic Renaissance*, berisi huraian tentang tanggungjawab intelektual Muslim dan perencanaan program Husayniah Irsyad.<sup>15</sup>
4. *Man and Islam*, berisi huraian tentang konsep manusia, penciptaan manusia, eksistensinya menurut pandangan Islam, serta tugas-tugas yang harus dipikul oleh seorang intelektual Muslim<sup>16</sup>
5. *Hajj*, merupakan interpretasi simbolik, rukun-rukun dan ritual haji; bermula dari niat, miqat, thawaf, sa'i hingga wukuf di Padang Arafah. Juga makna objek-objek sejarah haji seperti; Ka'bah, Hajar Aswad, Hijr Ismail, Maqam Ibrahim dan sebagainya.<sup>17</sup>
6. *Marxism and Other Western Fallacies*, kritikan tajam dari Ali Syari'ati terhadap Marksisme dan berbagai-bagai aliran pemikiran falsafah Barat yang mewakili ideology Humanisme. Dalam buku ini juga terdapat huraian yang menarik tentang sufisme yang merupakan khazanah kebudayaan timur.<sup>18</sup>
7. *Al Ummah wa Al Imamah*, buku ini merupakan modenisasi pemikiran Syi'ah moden tentang penafsiran kembali konsep umat, para imam Syi'ah dan pembentukan masyarakat ideal<sup>19</sup>

---

<sup>14</sup> Houston, Free Islamic Literatures, Inc., 1971

<sup>15</sup> Houston, Free Islamic Literatures, Inc., 1986.

<sup>16</sup> Masyhad, University of Masyhad Press, 1982.

<sup>17</sup> Ohio, Free Islamic Literatures, Inc., 1978.

<sup>18</sup> Berkely, Mizan Press, 1980.

<sup>19</sup> Terj. Afif Muhammad, Jakarta, Pustaka Hidayah, 1989.

8. *Martyrdom : Arise and Bear Witness*, huraian yang mendalam tentang perjuangan Imam Husain dan peristiwa Karbala, keshahidan dan lain-lain<sup>20</sup>.
9. *Approaches to Understanding of Islam I & II*, ceramah di Husayniah Irshad.<sup>21</sup>
10. *A general Syllabus of Islamologi* , 19 kuliah dalam pengkajian Islam. (1971)<sup>22</sup>.
11. *Husayn, The Heir of Adam*, ceramah di Husayniah Irshad.<sup>23</sup> (1970).
12. *Kavir : History in the Form of Geography*.<sup>24</sup>
13. *Lesson in Tauhid, the History of Religions and Schools of Sociology*.<sup>25</sup>
14. *Let Us Arise and Advance* , kuliah di Husayniah Irshad.<sup>26</sup>
15. *Martyrdom and Its Sequel*, dua ceramah tentang Zainab r.a.h (anak perempuan Rasulullah s.a.w., disampaikan di Husayniah Irshad.<sup>27</sup>
16. *The Median School*.<sup>28</sup>
17. *The Philosophy of Scientific Determinism in History* Kuliah ke 25 dari Islamologi, 1972.
18. *The Responsibility of Being Shi'i* kuliah di Husayniah Irshad, 1971.
19. *The Revolutionary Rule of Remembrance and the Reminders*.<sup>29</sup>

---

<sup>20</sup> The Ministry of Islamic Guidance, Teheran, The Islamic Republic of Iran, 1982.

<sup>21</sup> Teheran, The Syari'ati Foundation and Hamdami Publisher, 1979

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Masyhad, University of Masyhad Press, 1970.

<sup>25</sup> Masyhad, University of Masyhad Press, 1968

<sup>26</sup> Teheran, The Syari'ati Foundation and Hamdani Publisher, 1970.

<sup>27</sup> *Ibid.*, 1972

<sup>28</sup> Masyhad, University of Masyhad Press, 1953

<sup>29</sup> Teheran, Husainiyah Irshad, 1972.



20. *A Revolution in Value*, Kuliah di Universiti Teheran<sup>30</sup>.
21. *Science or the New Scolasticism*, ceramah di *Faculty of Medicine*,  
Teheran<sup>31</sup>.
22. *The Sociology of Shirk*, kuliah di *Faculty of Letters*, Teheran<sup>32</sup>.
23. *Speciment of Lofty Ethics* , terjemahan dari buku *Kashf Al Ghita*<sup>33</sup>.
24. *Suplication*, terjemahan,<sup>34</sup>
25. *Tauhid, A Philosophy of History* 21 kuliah dalam rangkaian Islamologi di  
Husayniah Irshad.<sup>35</sup>
26. *The Unjust, the Disobedient, the Faithless*, Husayniah Irshad.<sup>36</sup>
27. *Waiting For Religion of Protest* , ceramah disampaikan di Husayniah  
Irshad.<sup>37</sup>
28. *What Shall be Our Support ?*<sup>38</sup>
29. *World View* , ceramah di *Petroleum Kolej*.<sup>39</sup>
30. *Yes, Thus It Was, O Brother*, Ceramah di Husayniah Irshad.<sup>40</sup>

---

<sup>30</sup> Teheran, 'The Syari'ati Foundation and Hamdani Publisher, 1972.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Masyhad, University of Masyhad, 1968.

<sup>35</sup> Teheran, Husainiyah Irshad, 1972.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Ibid*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*, sebahagian besar senarai karya-karya Ali Syari'ati dikutip dari Introduction yang ditulis oleh Gholam Abbas Tavasoli untuk buku Ali Syari'ati, *On The Sociology of Islam* (1979), *op. cit.*, h. 34-37.

Ali Syari'ati merupakan seorang penulis yang sangat produktif dan intelektual yang menyampaikan idea-ideanya dengan penuh rasa tanggungjawab. Dia dapat dikatakan sebagai seorang genius yang kreatif dan sentiasa memiliki idea baru untuk ditulis dan diucapkan. Hampir tidak mungkin mengungkapkan semua karya dan idea-ideanya dalam tesis ini. Bahkan diperlukan suatu pemahaman dan daya baca mendalam terhadap tulisan-tulisannya yang abstrak. Karya-karya Ali Syari'ati hampir mendekati suatu bentuk dari *Encyclopaedia of Islam*.

Melalui judul-judul dari tulisan, ceramah dan terjemahan buku-buku yang ditulis oleh Ali Syari'ati, terlihat betapa luasnya wawasan permasalahan yang difikirkan oleh tokoh ini. Senarai karya-karya diatas meliputi masalah-masalah teologi, tamadun, politik, pendidikan, pembaharuan pemahaman Islam, falsafah, ekonomi, metodologi dan lain-lain.

## 2.4 Pemikiran-Pemikiran

### 2.4.1 Pemikiran Tentang Tauhid

Tauhid adalah prinsip dasar agama samawi. Merujuk kepada al-Quran, dapat ditemukan bahawa tugas para Nabi dan Rasul adalah menyampaikan ajaran Tauhid.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ

Terjemahan: *Kami tidak mengutus seorang rasulpun sebelum kamu kecuali kami wahyukan kepadanya bahawa tidak ada Tuhan selain Aku, maka sembahlah Aku.*

Terjemahan surah Al- Anbiya' (21) : 25

Nabi Musa a.s. menerima ajaran dari Allah

وَأَنَا اخْتَرْتُكَ فَاسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰ إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ  
الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Terjemahan: *Aku yang memilihmu, maka dengarkan dengan teliti apa yang akan diwahyukan (kepadamu): Aku adalah Allah, tidak ada Tuhan selain Aku. Sembahlah aku dan dirikanlah solat untuk mengingatKu.*

Terjemahan sūrah Thāha (20) : 13-14

Nabi Isa a.s juga mengajarkan Tauhid kepada umatnya :

وَقَالَ الْمَسِيحُ يَحْيَىٰ إِسْرَءِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ  
حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

Terjemahan: *Isa berkata (kepada Bani Israil), “Hai Bani Israil, sembahlah Allah Tuhanku dan Tuhanmu. Sesungguhnya siapa yang mempersekutukan-Nya maka Allah mengharamkan baginya surga, dan tempatnya adalah neraka. Tiada penolong bagi orang-orang yang aniaya.”*

Terjemahan sūrah Al-Māidah (5) : 72

Dalam sejarah agama samawi Nabi Ibrahim a.s dianggap sebagai bapak nabi-nabi agama Tauhid. Sebab hampir seluruh nabi-nabi penyampai ajaran Tauhid merupakan keturunan baginda. Nabi Ibrahim a.s menemukan dan membina keyakinannya melalui pencarian dan pengalaman-pengalaman rohaniah yang dilaluinya.

Para ilmuwan seringkali berbicara tentang penemuan-penemuan yang mempengaruhi atau mengubah jalan sejarah kemanusiaan. Tetapi, seperti ditulis oleh Abbas Mahmoud al-‘Aqqad:

Penemuan tentang Tauhid yang dikaitkan dengan Nabi Ibrahim a.s merupakan penemuan manusia yang terbesar dan yang tidak dapat diabaikan oleh para ilmuwan atau ahli sejarah. Ia tidak dapat dibandingkan dengan penemuan roda, api, elektrik, atau rahsia-rahsia atom betapapun besarnya penemuan-penemuan tersebut.

Penemuan Nabi Ibrahim a.s. menguasai jiwa dan raga manusia. Penemuan ini merubah manusia daripada tunduk kepada alam menjadi penguasa alam, serta mampu menilai baik buruknya. Penerokaan manusia boleh menjadikannya bertindak secara sewenang-wenang, tetapi hal ini tidak mungkin dilakukannya jika penemuan Nabi Ibrahim a.s. (Tauhid) kekal menghiasi jiwanya. Penemuan Ibrahim berkaitan dengan apa yang diketahui dan tidak diketahui oleh manusia. Ia juga berkaitan dengan kedudukan manusia sebagai makhluk, dan hubungan manusia dengan Tuhan, alam raya, dan makhluk-makhluk sesamanya.<sup>41</sup>

Penjelasan Tauhid semakin mantap dan jelas hingga mencapai puncaknya dengan kehadiran Nabi Muhammad s.a.w. Huraian Al-Quran tentang Tuhan kepada umat Nabi Muhammad dimulai dengan pengenalan tentang perbuatan dan sifat-Nya. Ini terlihat jelas pada wahyu pertama:

إِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۚ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝  
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Terjemahan: Bacalah demi Tuhanmu yang menciptakan (segala sesuatu). Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang (bersifat) Maha Pemurah, yang mengajar manusia dengan Qalam, mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

Terjemahan sūrah Al ‘Alaq (96) : 1 - 5

Tidak digunakan lafz al-jalalah Allah pada wahyu-wahyu pertama ini. Menurut Quraish Shihab hal ini adalah dalam rangka meluruskan keyakinan kaum musyrik kerana mereka juga menggunakan kata Allah yang merujuk kepada Tuhan. Walau bagaimana pun keyakinan mereka tentang Allah berbeza dengan keyakinan yang diajarkan Islam.<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Abbas Mahmoud al-‘Aqqad, (1974) *Abu al Anbiya*, Beirut, Dar al Kitab Al Lubnani,

<sup>42</sup> M. Quraish Shihab (1997), *Wawasan al Quran*, Bandung, Mizan, h. 23 .

Berbicara tentang Tauhid membawa kita untuk memahami secara mendalam surah al-Ikhlâs, sekurang-kurangnya tentang ayatnya yang pertama, **قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ** “Katakanlah ! Dia Allah Yang Maha Esa.”

*Ahad* yang diterjemahkan dengan sebagai Esa diambil dari akar kata *wahdat* yang bererti *kesatuan*, seperti juga kata *wahid* yang bererti satu. Kata ini digunakan sebagai nama dan sifat bagi sesuatu. Apabila ia digunakan sebagai sifat, maka ia hanya untuk Allah s.w.t. sahaja. Dalam ayat di atas, perkataan *ahad* berfungsi menerangkan sifat Allah s.w.t., dalam erti bahawa Allah memiliki sifat-sifat tersendiri yang tidak dimiliki oleh selain-Nya.

Dari segi bahasa, kata *ahad* walaupun berakar sama dengan *wahid*, tetapi masing-masing memiliki makna dan penggunaan tersendiri. Kata *ahad* hanya digunakan untuk sesuatu yang tidak dapat menerima penambahan baik dalam fikiran maupun dalam kenyataan. Oleh sebab itu ketika perkataan ini berfungsi sebagai sifat, bilangan tidak termasuk dalam senarai maknanya. Hal ini berbeza dengan perkataan *wahid* ; kita dapat menambahnya menjadi dua, tiga dan seterusnya, meskipun penambahan itu hanya dalam fikiran yang mengucapkannya.

Berhubungan dengan pembahasan Tauhid adalah menarik kiranya dihayati bahawa perkataan *Ahad* diulang dalam al-Quran sebanyak 85 kali, namun hanya sekali yang menjadi sifat Allah yakni firman-Nya dalam surah al-Ikhlâs ayat pertama. Seakan-akan Allah bermaksud untuk menekankan keyakinan Tauhid, bukan saja dalam maknanya, tetapi juga dalam bilangan pengulangan lafalnya, serta kandungan lafal-

lafal itu. Ini menggambarkan kemurnian mutlak dalam keesaan Allah s.w.t.

Memang benar Allah s.w.t. kadang-kadang juga disifati dengan perkataan *wahid* seperti firmanNya :

وَالْهُكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Terjemahan: *Tuhanmu adalah Tuhan yang Wahid, tiada Tuhan selain Dia Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.*

Terjemahan surah Albaqarah (2) : 163

Perkataan *wahid* dalam ayat di atas, merujuk kepada keesaan ZatNya disertai dengan berbagai sifat-sifat-Nya. Bukankah Dia Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha Kuat, Maha Mengetahui dan sebagainya. Manakala perkataan *ahad* dalam surah al-Ikhlâs merujuk kepada keesaan Zat-Nya sahaja tanpa memperlihatkan berbagai sifat-sifat-Nya yang lain. Terlepas dari perbezaan pendapat ini Tauhid di dalam akidah Islam meliputi hal-hal sebagai berikut :

1. Tauhid Zat
2. Tauhid Sifat
3. Tauhid dalam perbuatan
4. Tauhid dalam beribadah kepada-Nya.<sup>43</sup>

Dalam sejarah pemikiran ilmu kalam, Tauhid sebagai dasar ajaran Islam yang utama telah mengalami perluasan ekoran perdebatan para ulama ilmu kalam, sehingga penafsiran Tauhid menjadi samar dan tidak jelas. Munculnya perdebatan berlarut-larut tentang fungsi akal dan

---

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 33.

wahyu, kebebasan manusia dalam perbuatan, kedudukan orang-orang yang berdosa besar, dan lain-lain telah menjadikan makna Tauhid hanya berlegar-legar di ruang-ruang seminar yang disarati dengan sejumlah argumentasi ketuhanan yang serba rumit. Kemudian ditambahkan pula ke atasnya pendapat dan pemikiran dari berbagai-bagai aliran ilmu kalam seperti Mu'tazilah, Ash'ariah, Maturidiah. Syi'ah dan sebagainya, yang akhirnya mengakibatkan terlepasnya Tauhid daripada dinamika kehidupan umat.

Ali Syari'ati berpendapat bahawa untuk membangun masyarakat Islam, Tauhid harus diturunkan ke dalam aktifitas dan kehidupan seharian umat Islam. Di bawah ini kutipan tulisannya tentang fungsi Tauhid Islam :

*Tauhid maybe said to descend from the heavens to the earth, and leaving circles of philosophical, theological and scientific discussion, interpretation and debate, it enters the affair of society. It possess the various questions that are involved in social relationships - class relations, the orientation of individuals, relation between individual and society, the various dimensions of the social structure, the social superstructure, social institutions, the family, politics, culture, economy, ownership, social ethics, the responsibilities of individuals and society. Tauhid thus provides the intellectual foundation for all the affairs of society.*<sup>44</sup>

Dalam suatu usulannya tentang perancangan praktikal Akademi Husayniyah Irshad, Ali Syari'ati menegaskan bahawa semua kajian akademik ataupun analisis atas semua mazhab pemikiran harus dimanfaatkan untuk satu tujuan iaitu memperkenalkan Allah s.w.t. kepada manusia masa kini.

Tuhan harus diperkenalkan agar kelompok-kelompok yang mempunyai konsep tidak jelas dan menyesatkan boleh merenung kembali kepercayaan-kepercayaan mereka. Manakala di lain pihak kelompok-

---

<sup>44</sup> Ali Syari'ati (1979), *op. cit*, h.82.

kelompok yang terpisah dari agama akan mendekatkan diri mereka dengan keimanan yang dipenuhi dengan kesadaran, kemajuan dan pengetahuan.<sup>45</sup>

Syirk sebagai lawan dari Tauhid merupakan kontradiksi antara alam fisik dan alam metafisik, antara materi dengan erti, antara dunia dengan akhirat, antara *deria* dan *supra deria* (kemampuan yang melebihi kepekaan deria manusia biasa). Sedangkan Tauhid menganggap bahwa seluruh anasir alam, proses kejadian dan tanda-tanda kewujudannya, adalah turut serta dalam gerakan harmoni ke arah matlamat tunggal. Apa sahaja yang tidak berorientasi kepada tujuan itu dianggap tidak wujud.

Ali Syari'ati berpendapat:

Konsekuensi lebih jauh daripada pandangan hidup Tauhid ialah ditolakannya ketergantungan manusia kepada suatu kekuatan sosial, dan dihubungkannya manusia dalam semua dimensinya kepada kesadaran dan kehendak Yang Maha Kuasa. Dialah sumber segala bantuan, kepercayaan dan tempat semua orang memohon pertolongan. Dia merupakan suatu titik sentral, suatu paksi yang dikelilingi oleh segenap gerak alam semesta.<sup>46</sup>

Dalam perbahasannya tentang *Haji*, Ali Syari'ati menafsirkan tawaf sebagai idea murni Tauhid yang mencakup seluruh manusia. Allah adalah pusat kewujudan. Dia adalah titik tumpu dari kehidupan yang fana ini. Sebaliknya manusia adalah partikel yang bergerak mengelilinginya. Pada setiap posisi manusia memiliki jarak dengan Kaabah<sup>47</sup>, dan jarak ini tergantung kepada jalan hidup yang dipilih manusia di dunia. Jalan Allah adalah jalan umat manusia. Dengan

---

<sup>45</sup> Ali Syari'ati (1989). *op. cit.*, h. 130

<sup>46</sup> Ali Syari'ati (1979) „ *op. cit.*, h. 57.

<sup>47</sup> Ali Syari'ati, *Haji*, Ohio, Free Islamic Literatures, h.78.



perkataan lain; untuk dapat menghampiri Allah s.w.t., terlebih dahulu umat manusia harus saling berhubungan dan berkasih sayang.

Untuk mencapai kesolehan seorang individu harus benar-benar terlibat dengan masalah-masalah manusia. Seorang Muslim tidak boleh bersikap sebagai seorang *rahib* yang memencilkan dirinya dalam rumah ibadah; ia harus terjun dan terlibat aktif di tengah-tengah masyarakat.

Tidaklah sulit untuk melihat pengaruh Tauhid terhadap manusia. Tauhid mengangkat manusia ke tingkat kerohanian tertinggi dan memberikan kebebasan kepada jiwanya untuk menentang penindasan dan penganiayaan. Sesungguhnya Tauhid dan Syirk bukanlah dua buah teori atau masalah falsafah yang hanya dibahas di tempat-tempat ibadah atau universiti. Kedua-duanya adalah fakta yang hidup dan produktif dalam diri dan kehidupan manusia.

Tauhid dan Syirk merupakan inti dari gerakan-gerakan dan perjuangan-perjuangan sosio-ekonomi umat manusia di sepanjang masa. Dengan perkataan lain; Syirk adalah keyakinan yang dominan di dalam sejarah manusia dan merupakan candu yang membuat manusia ketagihan. Sebaliknya Tauhid merupakan keyakinan dan petunjuk yang sentiasa berhadapan dengan Syirk. Justeru tragedi manusia yang terburuk dan paling lama bertahan adalah penghambaan manusia kepada materialisme dengan menyembunyikan Syirk di sebalik topeng Tauhid.<sup>48</sup>

---

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 122.


Berdasarkan konteks sosio-historis, lewat pandangan dunia Tauhid, Ali Syari'ati membezakan masyarakat dalam dua bentuk yang satu sama lain saling bertentangan secara terus menerus. Iaitu bentuk *Qabil* sebagai lambang Syirk, dan bentuk *Habil* sebagai lambang Tauhid. Bentuk *Qabil* terus berlanjut sampai sekarang dan menyebabkan timbulnya penindasan, penganiayaan dan kezaliman penguasa terhadap rakyat kecil.

Sedangkan menurut bentuk *Habil*, dalam konteks sosio historis, Tuhan berada dalam kedudukan *interchangable* (saling berhubungan) dengan manusia. Bentuk *Habil* ini merupakan cita-cita ideal bentuk kehidupan masyarakat yang diredai Allah s.w.t. Dengan sistem sosial berasaskan nilai Tauhid yang memperjuangkan kesamaan darjat manusia, persaudaraan dan keadilan, hak rakyat menjadi asas utama pada setiap keputusan yang diambil oleh pemimpin<sup>49</sup>

Ali Syari'ati menggambarkan adanya dua bentuk dalam kehidupan manusia, iaitu bentuk *Qabil* dan *Habil*. Dalam konteks moden, bentuk *Qabil* digambarkan dalam bentuk perhambaan, penguasaan golongan penguasa dan bangsawan serta para kapitalist industri pada puncaknya melahirkan satu bentuk penjajahan ke atas kemerdekaan manusia. Pada sisi lain, bentuk *Habil* digambarkan dalam sistem ekonomi rakyat, hak pemilikan kolektif, dan keadilan. Berikut ini adalah carta masyarakat menurut Ali Syari'ati yang menggambarkan dua bentuk Qabil dan Habil di atas :

---

<sup>49</sup> *Ibid*, h. 152.



Carta di atas menerangkan tentang bentuk *Qabil* yang didasari oleh dominasi penguasa, penganiayaan terhadap rakyat dan penyembahan berhala sebagai contoh syirik yang nyata. Manakala bentuk *Habil* melambangkan ajaran Tuhan yang diamalkan oleh rakyat dan mengiasilkan kejujuran dan keadilan sebagai lambang Tauhid.

Menurut Ali Syari'ati, tidak ada agama yang memiliki sejarah paling tragik selain daripada agama Islam. Musuh-musuh Islam telah mengumpulkan seluruh pemikiran, tenaga dan pengetahuan mereka dalam usaha mengadu domba umat Islam. Tujuan mereka adalah menghancurkan kebenaran Islam melalui pemujaan ritualnya. Mereka berbuat demikian kerana sejak awal sejarahnya Islam telah membuktikan bahawa setiap kali ia berhadapan dengan musuh-musuhnya umatnya selalu keluar sebagai pemenang.

Tetapi, jika musuh membungkus dirinya dengan pakaian seorang teman dan jika kemusyrikan tertutup oleh topeng kebajikan dan kesolehan, maka meskipun Islam berada di puncak kejayaannya, ia akan terhakis

dari dalam. Ia akan kehilangan kebenaran dan kekuatannya dan terpaksa kehilangan para pendukung dan pemimpin yang mulia dan ikhlas.

Musuh terbesar agama Tauhid adalah kemunafikan. Misalnya, semasa keturunan Abu Sufyan tetap mempertahankan berhala-berhala Lata dan Uzza, dan mereka menghunus pedang melawan Nabi, nasib yang menimpa mereka adalah kekalahan di perang Badr dan perang Khandaq. Kisah keturunan Abu Sufyan merupakan contoh paling jelas. Rumahnya pernah menjadi markaz melawan Islam selama dua puluh tahun. Akan tetapi kemudian dia merubah strateginya dengan memeluk Islam. Anaknya Muawiyah menjadi sahabat nabi dan pencatat al Quran. Dengan strategi baru ini mereka dapat menebus kekalahan dalam perang Badar (624 M) dengan kemenangan dalam perang Siffin (658 M).

Di Badar dengan sumpah mereka atas nama *Hubal*, mereka mudah dikenali sebagai musuh; tetapi di Siffin mereka menyebut nama Allah dan menjadi musuh dengan pakaian sebagai kawan. Jika sebelumnya mereka menyerang al-Quran maka kini mereka mengangkat al-Quran di puncak bendera mereka. Mereka membalas kekalahan mereka pada perang Khandaq dengan membunuh keluarga rasulullah s.a.w. di Karbala.<sup>50</sup>

Siapapun yang mengenal Nabi dan mendalami al-Quran, akan tahu dengan benar bahawa bahaya terbesar yang mengancam Islam dan kaum Muslimin bukanlah dari kaum musyrikin, orang kafir, pemuja berhala, kaum materialis, atau ateis, melainkan orang munafiq. Selain golongan munafiq tidak satupun di antara golongan tersebut menjadi

---

<sup>50</sup> Ali Syari'ati (1989), *op. cit.*, h. 31.

ancaman utama ke atas Islam. Sebab Islam selalu menang dalam perang intelektual dan juga perang militer melawan mereka. Musuh yang paling berbahaya adalah penindas yang menyelubungi dirinya dengan pakaian keadilan Islam. Mereka adalah pemuja berhala, pemuja manusia, pemuja wang dan pemuja kekuasaan yang mengumandangkan slogan-slogan Tauhid.

Mereka menjadikan Islam sebagai alat untuk membodohi dan membius umat. Atas nama Islam mereka sebarkan khurafat, kebohongan dan khayalan. Melalui Islam mereka menipu rakyat untuk merasa bahagia dalam kemiskinan dan kesengsaraan. Orang munafiq adalah orang yang menganggap Allah s.w.t. sebagai zat yang menyukai keterbelakangan, kejahilan, kelemahan dan penyakit. Sedangkan Islam adalah agama yang menghargai ilmu pengetahuan, keadilan dan keindahan.

Lebih jauh lagi, dari perspektif Syi'ah Ali Syari'ati menafsirkan sejarah perpecahan dalam Islam dengan kecenderungannya kepada Ahlu al-Bait, sebagai penegak agama Tauhid. Beliau berpendapat:

Sejarah mazhab Syi'ah adalah sejarah semangat Islam, jiwa yang telah menjadi korban badannya sendiri. Seluruh keluarga Nabi Muhammad s.a.w. dibunuh dengan mengatasnamakan al-Quran, jihad dan semboyan-semboyan ajaran Tauhid. Mereka dibunuh oleh para penguasa yang membangun masjid-masjid yang dikenal sebagai pahlawan-pahlawan agama, dan para penakluk untuk Islam. Mereka dibunuh oleh para pengumpul, penyebar dan pelindung al-Quran yang diiktiraf oleh negara. Sudah diketahui umum bahawa Islam sejati dirubah menjadi beku seperti yang kita kenal sekarang ini, bukan oleh para penentang falsafah atau militer Islam, melainkan ahli-ahli ilmu kalam, khatib-khatib, dan para khalifah. Merekalah yang telah menghancurkan Islam dari dalam dan membuat nya jemu tidak bergerak.<sup>51</sup>

---

<sup>51</sup> *Ibid.* h. 155.

Seorang penganut Tauhid harus dapat membezakan tipu-daya kaum munafiq berbanding perjuangan orang-orang yang ikhlas. Dia harus berfikir secara radikal, kerana penganut Tauhid tidak boleh ditipu oleh bujukan dan rayuan yang menggunakan seruan-seruan agama untuk mencapai tujuan mereka.

*In the world views of Tauhid, man fears only one power, and is answerable before only one judge. He turns to only one Qibla, and directs his hopes and desires to only one source. And the corollary is that all else is false and pointless - all the desires and hopes of man are vain and fruitless. Tauhid bestows upon man independence and dignity. Submit to him alone - the supreme norm of all being - impels man to revolt against all lying powers, all the humiliating fetters of fear and of greed<sup>52</sup>.*

#### 2.4.2 Pemikiran Tentang Imamah

Aliran Syi'ah meyakini doktrin *keimaman*, sehingga salah satu rukun iman bagi golongan ini adalah *Imamah*. Para Imam mewarisi kekuasaan dari Allah s.w.t. dan Nabi s.a.w. Tidak hairan jika Imam dianggap mampu memberikan jaminan di akhirat kepada para pengikutnya dan Imam terlepas dari segala kesalahan. Majoriti Syi'ah bahkan meyakini bahawa Imam terakhir yang sedang diangkat kelangit dan akan turun membawa keadilan sebelum kiamat adalah penyelamat umat.<sup>53</sup>

Konsep Imamah dalam Syi'ah begitu kuat sehingga mempengaruhi secara langsung aspek-aspek lain seperti cara penyusunan fiqh, penafsiran kalam, juga bidang politik, sosial-budaya dan ekonomi.

---

<sup>52</sup> Ali Syari'ati (1979). *Op. cit.*, h. 87.

<sup>53</sup> Mazhab Syi'ah Imaniyah meyakini bahawa yang berhak memegang teraju kepimpinan dalam urusan agama dan politik setelah kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. adalah Ali bin Abi Talib r.a. beserta sebelas keturunannya.

Imam adalah tokoh sentral dimana loyaliti tunggal dan kepatuhan mutlak harus diberikan. Bagi masyarakat awam bermazhab Syi'ah, Imam merupakan perwujudan suci yang memiliki pandangan metafizik dan mampu melakukan perbuatan-perbuatan yang ajaib seperti mukjizat, karamah dan sebagainya.

Secara kontroversi, Ali Syari'ati mengatakan bahawa para Imam bukanlah manusia *super*. Kerana manusia *super* tidak mungkin memiliki keteladanan yang sesuai untuk ditiru oleh manusia biasa. Antara lain dikatakannya:

Perwujudan dan hakekat Imam tidak mungkin boleh dimasukkan dalam kategori para hero. Sebab Imam bukanlah tokoh mitologi dan bukan pula pahlawan dalam sejarah. Tetapi merupakan ungkapan wajar sebagai manusia yang lain. Bezanya dalam diri Imam tersebut terdapat perwujudan-perwujudan dan teladan-teladan dalam sifat manusia yang dianggap sempurna.<sup>54</sup>

Tidaklah mungkin dalam pandangan Islam, menganggap Nabi atau Imam sebagai makhluk yang lain daripada manusia. Justeru Ali Syari'ati beranggapan bahawa meletakkan Imam pada kedudukan yang lebih tinggi daripada manusia biasa, boleh menjerumuskan seseorang kedalam Syirk.<sup>55</sup>

Pendapat ini sesuai dengan firman Allah:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ

Terjemahan : Katakanlah : Sesungguhnya aku ini hanyalah manusia biasa seperti kamu yang diwahyukan kepadaku.  
: "Bahawa sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan yang Esa".

Terjemahan sūrah Al Kahfi (18) : 110

<sup>54</sup> Ali Syari'ati (1989), *op. cit.* h. 98.

<sup>55</sup> Pendapat ini membuat Ali Syari'ati disebut sebagai *Cripto Wahabi*, iaitu orang-orang yang menganut Syi'ah tetapi secara tidak sedar dipengaruhi *Wahabiah*.

قَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ إِنَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ  
مِنْ عِبَادِهِ

Terjemahan: *Rasul-rasul telah berkata kepada mereka: "Kami tidak lain adalah manusia sama seperti kamu, akan tetapi Allah memberi kurmia kepada siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hambanya"*

Terjemahan sūrah Ibrāhim(14) : 11.<sup>56</sup>

Menurut Ali Syari'ati Imamah dalam ajaran Syi'ah memiliki dua erti: pertama, keteladanan, kesyahidan, pemberi petunjuk, hujjah, dan gambaran nyata dari Islam. Kedua, pemimpin dan pemegang kepemimpinan umat atas dasar risalah. Imamah dan pemerintahan tidak mungkin dapat dipisahkan. Islam tidak mengenal pemisahan antara politik, agama, dunia dan akhirat. Imamah adalah pelanjut risalah kenabian yang bertujuan membangun umat. Sedangkan umat adalah komunitas dinamik yang selalu berhijrah, memiliki orientasi terhadap pemikiran-pemikiran ideal. Oleh itu, Imamah merupakan sesuatu yang mesti ada pada setiap umat.<sup>57</sup>

Ali Syari'ati menentang kepercayaan tradisional mengenai tidak dibolehkannya para penganut Syi'ah memasuki bidang politik selagi Imam Mahdi belum diutus. Menurutnya, pengikut Mahdi selama keghaibannya harus terlibat aktif dalam politik demi menciptakan momentum yang kondusif bagi kemunculan Mahdi untuk membawa

---

<sup>56</sup> Terjemahan ayat yang diambil dari tim Penerjemah Departemen Agama Republik Indonesia (1985), *Al Quran dan Terjemahannya*, Jakarta, Proyek pengadaan Kitab Suci, h. 163.

<sup>57</sup> Ali Syari'ati (1989), *op. cit.*, h. 153.



keadilan di muka bumi. Beliau menolak sikap mendewakan Imam dan menjadikannya hanya sebagai sarana bertawassul.

Dalam semangat kesatuan mazhab ia bahkan membangun argumentasi yang rasional untuk menerima kekhalifahan Abu Bakar, Umar dan Usman. Dalam hal ini beliau bercanggah pendapat dengan kepercayaan Syi'ah mengenai hak khusus Ali dan Ahlu al-Bait atas khilafah. Beliau berusaha menghilangkan kesan bahawa ketiga sahabat utama Nabi itu telah mengambil hak Ali. Jika ada yang terambil maka itu adalah hak kaum Muslim pada waktu itu atas Imamah Ali. Tetapi kekhalifahan tetap pada Ali ibn Abi Thalib.<sup>58</sup>

Beliau juga mengusahakan formula untuk menggabungkan teori *mesyuarat* sunni dan *wasiat syi'i* dalam hal pengangkatan pemimpin, tanpa harus meninggalkan keyakinan syi'inya. Dia mengatakan bahawa ada saatnya umat manusia belum mencapai kedewasaan. Pada ketika itu Imam mestilah merupakan penunjukan Ilahi. Ini adalah formula Syi'ah dalam penunjukan Imam. Namun jika kedewasaan telah dicapai, tiba saatnya bagi masyarakat tersebut untuk siap memilih Imam berdasarkan mesyuarat dengan cara sunni.

Setelah mendefinisikan umat sebagai kelompok manusia yang bergerak maju bersama-sama menuju kesempurnaan, Ali Syari'ati mengharuskan adanya Imamah sebagai pembimbing proses tersebut dimana Imamah dalam masalah ini bukanlah pelayan kepentingan umat, melainkan

---

<sup>58</sup> Ali Syari'ati (1981), *Martyrdom : Arise and Bear Witness*, The Ministry of Islamic Guidance, Teheran, The Islamic Republic of Iran, h. 71.

reformernya. Ia membimbing umat menuju kemanusiaan yang ideal sebagaimana yang diyakininya, bukan menurut keyakinan dan restu orang-orang yang dipimpinnya. Imam tidak bertugas sebagaimana kepala pemerintahan negara atau penanggung-jawap tayangan television yang harus bekerja untuk suatu kelompok, untuk memenuhi selera dan keinginan para pendengarnya. Ia berkewajiban merealisasikan kebahagiaan dan kesejahteraan bagi individu dan memimpin gerakan sosial menuju kesempurnaan. Imamah adalah perwujudan risalah kenabian. Itulah sebabnya Imamah berbeza dari kepimpinan diktator<sup>59</sup>

Imam, dalam konsepnya yang-benar tidak berdiri dibelakang kekuatan eksekutif, tidak berdiri dibelakang negara dan tidak pula bekerjasama dengan politik penguasa. Sebaliknya ia memikul tanggungjawab sosial politik secara langsung, seperti tanggungjawabnya terhadap pengaturan masalah-masalah ekonomi, kebudayaan, hubungan internasional dan kehidupan masyarakat

Para Imam dalam pandangan Syi'ah adalah pemimpin para penguasa, junjungan orang-orang yang taat beribadah, tiang negara dan pemimpin umat, sekaligus teladan dalam bidang intelektual dan penunjuk jalan. Imamah merupakan kelanjutan daripada jalan hidup nabi-nabi yang menyempurnakan tanggungjawab historik yang dipikul oleh para pemimpin. Ia adalah mata rantai yang tidak terputus untuk mencerahkan umat manusia.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup> Ali Syari'ati (1989), *op. cit.*, h. 83.

<sup>60</sup> *Ibid*, h. 85.

### 2.4.3 Pemikiran Tentang Peradaban Barat

Barat (Eropah) yang mula mendapatkan kebebasan intelektualnya pada masa *renaissance*, telah melakukan proses melemahkan peradaban dan kebudayaan Timur yang dahulu menjadi pusat peradaban manusia. Keperibadian Timur telah dirubah sedemikian rupa sehingga mengikuti mode yang diciptakan Barat, sehingga hanya ada satu peradaban tunggal yang seragam di bumi. Dengan demikian produksi Eropah mendapatkan pasarannya di seluruh dunia.<sup>61</sup> Ali Syari'ati mengatakan:

Iniilah projek itu: Semua manusia di dunia harus seragam. Mereka harus hidup serupa. Mereka harus berfikir serupa. Perbezaan-perbezaan dalam pemikiran dan jiwa bangsa-bangsa di dunia harus dihancurkan, mereka harus hidup dalam satu pola yang telah ditetapkan Eropah.

Barat menunjukkan kepada semua orang di Timur; Orang-orang Asia dan Afrika, bagaimana mereka harus berfikir, bagaimana mereka harus berpakaian, berkeinginan, bersedih dan membangun rumah-rumah mereka. Juga bagaimana mereka harus membangun hubungan sosial, mengguna barangan, mengutarakan pandangan mereka dan terakhir, bagaimana harus menyukai dan apa yang harus disukai. Segera disedari bahawa suatu kebudayaan baru yang disebut sebagai 'moden' telah disajikan keseluruhan dunia.

Dalam serangannya yang terus-menerus dan universal, kolonialisme dan kapitalisme Barat menganggap agama sebagai penghalang terbesar dalam langkah penyusupan budaya dan politik mereka. Agama merupakan dasar yang membangun sejarah, tradisi, nilai-nilai, identiti, idea-idea dan tata cara melangsungkan kehidupan. Oleh sebab itu agama harus dirubah dari bentuknya yang menimbulkan perlawanan, kreatif dan progresif, kepada bentuknya yang beku dan lemah.<sup>62</sup>

Terhadap berbagai aliran falsafah Barat, Ali Syari'ati juga melakukan kritikan yang tajam. Seperti pada falsafah *liberalisme*, *eksistensialisme*, *marxisme*, bahkan juga terhadap aliran agama nasrani seperti

---

<sup>61</sup> Topik-topik seperti ini hampir selalu muncul dalam setiap karya-karya Ali Syari'ati yang membahas hubungan antara Timur dan Barat.

<sup>62</sup> Ali Syari'ati (1989), *op. cit.*, h. 56-57.

*protestanisme*. Aliran-aliran ini menurutnya memakai topeng *humanisme* dan mengorbankan dimensi rohani manusia.

Dalam analisisnya, Ali Syari'ati melihat Voltaire yang liberal dan Karl Marx (m.1883 M) yang komunis sama-sama terjerumus kepada *materialisme*.<sup>63</sup> Mereka telah menutup mata terhadap segi rohani yang merupakan dasar *humanisme*. Bahkan *protestanisme* pun mengasaskan ajarannya kepada *materialisme*. Ali Syari'ati berkata:

Protestanisme, kapitalisme, marxisme dan fasisme? Keempat-empatnya adalah bersaudara, lahir dari falsafah materialisme yang sama dan dibesarkan di dalam kejiranan yang sama, yakni Barat. Walaupun Protestanisme menempuh jalan hidup agama. Tetapi ajaran agamanya telah beralih dari cinta kepada materialisme.<sup>64</sup>

Persamaan dari keempat gerakan diatas ini adalah sebagai berikut: Pertama, ditolaknya dimensi jiwa dalam diri manusia sebagai makhluk yang memiliki pembawaan rohani. Kedua, dibatasinya cita-cita manusia kepada kuasa materi. Ketiga, kecenderungannya kepada falsafah materialisme dan pemujaan produktiviti. Terakhir, menganggap Islam sebagai rintangan terkuat dan sumber perlawanan terhadap semua gerakan-gerakan ini.<sup>65</sup>

Ali Syari'ati mengkritik tajam pemujaan falsafah Barat terhadap *humanisme*, yang seolah-olah menjadi agama baru bagi masyarakat Eropah. Menurutny terdapat pula empat jenis pengertian *humanisme*

---

<sup>63</sup> Ali Syari'ati, *Marxism ad Other Western Fallacies : An Islamic Critique*, Teheran, Mizan Press, h. 49.

<sup>64</sup> *Ibid*, h. 50.

<sup>65</sup> *Ibid*, h.51.

manusia bebas berfikir, melakukan penelitian ilmiah, kegiatan intelektual dan ekonomi produktif. Manakala pada Marxisme, darjat kemanusiaan akan tercapai hanya dengan *kepimpinan diktatorial, ideologi tunggal*, keseragaman, organisasi tunggal dan penolakan terhadap kebebasan. Masyarakat manusia tanpa kelas adalah cita ideal Marxisme. Hak-hak individu yang sangat dihormati didalam Liberalisme, justeru dileburkan kedalam hak-hak bersama.

Humanisme berikutnya adalah gerakan Eksistensialisme, dengan dasar pandangan bahawa kebebasan dan penguasaan manusia ke atas alam telah mencapai taraf bahaya sehingga cenderung membinasakan kemanusiaan itu sendiri. Hidup manusia terperangkap kepada hasil penguasaan alam serta ilmu dan teknologi yang dihasilkan. Manusia menjadi salah satu faktor produksi, ia terjebak ke dalam sistem yang tidak manusiawi. Manusia menjadi hamba kepada mesin ciptaannya sendiri. Eksistensialisme adalah gerakan falsafah yang menginginkan manusia kembali kepada eksistensi dirinya, dan tidak menjadi robot-robot yang dikendalikan oleh sistem yang membelenggu diri mereka sendiri.

Humanisme Islam lebih menumpukan pandangannya kepada falsafah penciptaan. Manusia diciptakan oleh Tuhan kerana itu ia mempunyai hubungan yang unik dengan Tuhannya. Manusia dari perspektif Islam ini boleh mencerminkan ketinggian darjat dan kerendahan darjat.<sup>68</sup> Ali Syari'ati mengemukakan interpretasi filosofis penciptaan manusia melalui keterangan al-Quran. Manusia

---

<sup>68</sup> Ali Syari'ati (1979), *Islamic View of Man*, terj. Ali Behzadina, Teheran, Najla Denny, h. 6-7.

pada dasarnya diciptakan dari dua unsur, yaitu ruh Tuhan dan tanah. Tuhan menciptakan manusia dari *Hamain masnun* (tanah hitam yang berbau busuk). Kemudian Tuhan menghembuskan ruh-Nya ke dalam manusia ciptaan-Nya.

Makna simbolik proses ini adalah bahwa manusia memiliki dua dimensi, sedangkan makhluk lain hanya memiliki satu dimensi. Dalam pengertian simbolik lumpur menunjuk kepada keburukan atau kejumudan. Dimensi illahi mengajak manusia untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Manakala lumpur mengajak manusia meluncur dalam derajat kehinaan dan kerendahan.

Di sinilah humanisme Islam memberikan fungsi kebebasan untuk memilih secara terbuka jalan menuju Tuhan atau jalan lumpur kehinaan. Kehormatan dan erti penting manusia terletak dalam kehendak bebas untuk menentukan arah hidupnya. Hanya manusialah yang dapat mengendalikan tuntutan dan sifat nalurinya, untuk dapat mengendalikan tuntutan biologinya sehingga dapat bebas menentukan perbuatan baik atau jahat, patuh atau ingkar<sup>69</sup>

Humanisme Islam menempatkan kedudukan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Manusia sebagai wakil Allah adalah gambaran humanisme murni. Ia memiliki tanggungjawab besar kerana diberikan kuasa untuk berkehendak secara bebas. Ia juga harus mampu mengendalikan sifat-sifat rendahnya.

---

<sup>69</sup> Ali Syari'ati (1979), *op.cit.*, h. 121-123.

Bandingkan pendapat Ali Syari'ati ini dengan konsep *free action / free will* dalam aliran Kalam Mu'tazilah

*Ideal man passes through the very mids of nature and comes to understand god; he seeks out mankind and thus attains God. He does not bypass nature and turn his back of mankind. He holds the sword of Caesar in his hand and he has the heart of Jesus in his breast. He thinks with the brain of Socrates and loves God with the heart of Hallaj. As Alexis Carrel desired, he is man who understands the beauty of science and the beauty of God; he listens to the words of Pascal and the words of Descartes.*<sup>70</sup>

Perbezaan antara falsafah Barat tentang manusia dengan pandangan Islam adalah pandangan bahawa manusia dijadikan oleh Allah sebagai makhluk multi dimensi yang tertinggi.

Dengan dalih *modenisasi* Barat telah menyesatkan Timur dari segala bentuk pemikiran dan keperibadiannya. Barat menyedari bahawa dengan menipu Timur dan dengan menggunakan cara modenisasi, Timur akan bekerjasama dengan Barat dan menolak keagungan masa lampauya sendiri. Bahkan Timur akan sanggup menodai dan menghancurkan unsur-unsur kebudayaan, agama dan keperibadiannya sendiri.

Kilang-kilang di Eropah memproduksi barang-barang mewah dalam jumlah yang selalu meningkat dan mencari pasaran produksinya di Asia dan Afrika. Adalah mustahil untuk mengharapkan manusia di Asia dan Afrika menggunakan produk-produk Barat pada abad ke-18 dan awal abad ke-19, meskipun produk Barat tersebut disediakan secara percuma. Ini kerana pada abad tersebut mereka memiliki cita-rasa dan selera yang berbeza dengan cita-rasa dan selera orang Eropah. Seorang wanita Asia atau Afrika tidak memerlukan peralatan kosmetik Eropah dan tidak

---

<sup>70</sup> *Ibid.* h. 122.

memerlukan alat-alat untuk bersolek dan mempercantik diri. Kerana pada masa itu Asia dan Afrika memiliki peralatan kosmetik yang bahannya berasal dari negeri mereka sendiri. Mereka menggunakannya dan mengaguminya.

Jika sikap dan karakter bangsa-bangsa di Asia dan Afrika ini dapat dipertahankan, maka barang-barang kapitalis di Eropah tidak akan mendapatkan pasarannya di Timur. Orang-orang Asia dan Afrika pada abad ke-18 memiliki identiti dan selera yang sangat *independence*, mereka tidak akan menggunakan barang-barang Eropah. Maka projek yang harus dilaksanakan oleh Barat adalah mengubah orang-orang Asia dan Afrika menjadi berselera dan bercita-rasa Eropah.

Mereka harus merubah keperibadian orang-orang Timur dengan menukar pola kepenggunaan, pakaian, hiasan, rumah, hubungan sosial dan bandarnya. Inilah yang dilakukan oleh orang-orang intelektual Eropah dengan projek gergasi *orientalisme*, untuk menyesatkan pemikiran, selera dan gaya hidup Timur. Timur tidak boleh memilih perubahan mereka sendiri. Baratlah yang mesti menentukan pilihan Timur, keinginan, penderitaan, duka-cita, selera, cita-cita, tradisi, dan rasa seninya, sesuai dengan produk-produk barang yang melimpah di Barat dan mesti segera dipasarkan di luar Barat.<sup>71</sup>

Modenisasi Barat telah mengubah tradisi Timur sehingga menjadi pengguna kepada kepentingan kapitalisme. Sebab agama dan keyakinan

---

<sup>71</sup> Ali Syari'ati (1984), *Civilization and Modernization*, terj. Husein Anis Al Habshi, dalam kumpulan makalah, *Ideologi Kaum Intelektual*, Mizan press, h.207.



yang berbeza menyebabkan perbezaan selera dan identiti. Agama telah mengendalikan orang-orang di Asia dan Afrika menjadi berbeza dengan orang-orang di Barat, maka projek utama intelektualisme Barat adalah mengubah semangat agama kepada semangat Barat. Berikut ini adalah kutipan panjang dari ucapan Ali Syari'ati :

Di abad ke-19 saya akan merasa sebagai orang Iran sehingga saya terikat pada peradaban besar abad ke-4, 5, 6, 7, dan 8 dalam sejarah Islam yang tak ada bandingannya di dunia dan pengaruhnya merangkumi seluruh dunia. Saya merasa terikat pada suatu kebudayaan yang berumur lebih dari 1000 tahun yang telah menghasilkan intelektualisme, seni dan kesusasteraan baru dalam sejarah kemanusiaan.

Saya merasa terikat dengan Islam yang merupakan agama terharu, terluhur dan universal. Ia menciptakan semua intelektualiti dan melarutkan semua peradaban yang lebih besar. Barat akan memaksa saya untuk mengatakan bahawa peradaban yang saya miliki adalah peradaban yang rendah dan *inferior*, dengan tata-sosial yang jauh di bawah peradaban *superior* Barat. Saya dipaksa untuk mengatakan bahawa bangsa Barat lebih unggul. Afrika harus percaya bahawa mereka adalah orang hiadab, demikian pula orang Asia.<sup>72</sup>

Pandangan Ali Syari'ati di atas menegaskan bahawa terdapat hubungan erat antara taraf kerohanian suatu bangsa dengan kemiskinan ekonominya. Kemampuan intelektual yang cukup boleh membimbing ke arah penemuan kerohanian Timur. Bahkan boleh pula membimbing ke arah penerokaan sumber ekonomi dan khazanah lainnya di dunia Timur. Suatu bangsa mungkin kaya akan sumber-sumber alam, tetapi jika ia tidak memiliki kemampuan intelektual untuk menggalinya, maka ia akan tetap miskin dan terhina sepanjang masa. Demikian juga suatu bangsa yang tidak memiliki kebolehan yang cukup untuk menemukan kembali sumber-sumber budaya dan kerohaniannya, dan tidak mampu

---

<sup>72</sup> *Ibid*, h. 212-213.

mengubahnya menjadi kuasa yang kreatif, maka bangsa tersebut tidak akan dapat menyelesaikan masalah-masalah keterbelakangan, buta huruf dan kemiskinan intelektual.

Bangsa-bangsa Timur yang tidak memiliki kecekapan teknikal moden akan bergantung kepada kepandaian Barat. Sumber alam mereka akan diperah sehingga mereka akan menyerah dengan kekuatan-kekuatan Barat. Bangsa-bangsa Timur akan diheret ke arah kemiskinan budaya dan material. Mereka akan kehilangan identiti dan menemukan dirinya tergantung pada kebudayaan asing. Sebab Barat lebih mengetahui Timur daripada Timur tentang dirinya sendiri, Barat telah menunjukkan kemampuan yang mendalam untuk mengambil idea-idea dari Timur.

Ali Syari'ati mengatakan bahawa intelektual Timur tidak memiliki kepahaman yang tentang apa yang datang dari Barat dalam bidang falsafah dan pemikiran yang ternyata berasal dari falsafah Timur.

Oleh sebab itu, sebagaimana Timur sedang berusaha menyelidiki, membeza-bezakan dan mempelajari keahlian/kecekapan guna menggali sumber-sumber alamnya, dan mencuba agar cukup efektif dalam memanfaatkan, menyaring dan merubah sumber-sumber alam itu menjadi barang-barang produksi, maka Timur harus juga belajar menemukan kembali masa lalu di bidang kerohanian dan budayanya.

Timur yang sedang berazam untuk memenuhi keperluan ekonomi dan membebaskan dirinya dari ketergantungan kepada barang-barang industri Eropah, harus pula bebas dalam perkembangan budaya dan rohaninya, sehingga ia tidak lagi tergantung pada intelektual dan budaya Barat.

Timur tidak akan boleh mencapai kemerdekaan ekonomi kecuali ia telah mencapai kemerdekaan rohani. Demikian juga ia tidak dapat mencapai kemerdekaan rohani melainkan jika ia telah mencapai kemerdekaan ekonomi. Masing-masing saling melengkapi dan saling memerlukan. Hanya melalui pencapaian kedua identiti fundamental ini Timur akan dapat bertahan dan merasa bebas dari Barat <sup>73</sup>

---

<sup>73</sup> Ali Syari'ati (1982), *Man and Islam*, terj. Ghulam M. Fayez, University of Masyad, h. 125.

Kaum intelektual di Timur harus beralih untuk mengkaji karya-karya penulis dari Asia dan Afrika. Sebab para ahli falsafah dan pemikir-pemikir Barat bagaimanapun bagus karya-karya mereka, tidak relevan dengan berbagai permasalahan dan keperluan Timur. Dengan cara inilah kaum terpelajar baru di Timur akan mengetahui diri dan situasi kehidupan Timur, Pemecahan bagi persoalan Timur harus dicari di Timur. Pemecahan bagi persoalan Timur akan terbukti tidak sesuai dan berakibat kemerosotan bagi masyarakat Timur jika dicari di Barat.<sup>74</sup>

Selama Timur tidak memiliki keperibadian dan identiti sejati dirinya, merasa rendah diri dari Barat, maka selama itu mereka akan menyembah-nyembah, mengemis budi baik dan bantuan industri serta budaya dari Barat. Pada akhirnya masyarakat Timur hanya nampak moden pada zahirnya sahaja, manakala pada hakikatnya ia telah kehilangan jatidirinya.

---

<sup>74</sup> *Ibid*, h. 128